



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel : 06-2895000
Faks : 06-2345201 / 5202 / 5207
Web: www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka

Ruj.Kami : ANM(UKPP)MEL/12(30)
Tarikh : 13 Jun 2023
Bersamaan : 24 Zulkaedah 1444H

**Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Di bawah seliaan JANM Melaka**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN KERJA BIL.28/2023/P: PENGEMASKINIAN DATA INDUK PENERIMA
BAYARAN DI PORTAL IGFMAS**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Arahan Kerja Bil.17/2023/P : Penggunaan Satu Akaun Bank Sahaja Bagi Bayaran Kepada Penjawat Awam (Kod *Vendor Employee*) Melalui Modul *Human Capital Management* (HCM) Dan Modul *Account Payable* (AP) bertarikh 5 April 2023 adalah berkaitan.

2. Bersama ini dikemukakan panduan bagi menjana laporan senarai Data Induk Penerima Bayaran di Portal iGFMS adalah seperti di **Lampiran A**. Tatacara ini perlu dirujuk dalam usaha memastikan hanya satu akaun bank sahaja yang diguna pakai untuk semua jenis pembayaran, sama ada dibuat melalui *Human Capital Management* (HCM) (pembayaran gaji) atau melalui Portal iGFMS bagi semua pejawat awam.

3. Sehubungan itu, PTJ hendaklah menyemak data yang disertakan seperti di **Lampiran B** dan mengembalikan maklumat tersebut **sebelum / pada 30 Jun 2023 (Jumaat)** dalam format PDF (lengkap bertandatangan penyedia, penyemak dan pengesah) dan format excell melalui e-mel kepada **ukpp_mlk@anm.gov.my**. Jika terdapat sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan pegawai di Jabatan ini, Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan (UKPP)

Puan Suriana Binti Panaungi	06-289 5027
Encik Ridzeal Bin Ismail	06-289 5073
Puan Safura Binti Ismail	06-289 5075
Puan Ismajuliana Binti Ismail	06-289 5069

5. Kerjasama daripada pihak tuan amatlah diharapkan agar semua proses pembayaran dapat dilakukan dengan cekap dan teratur berdasarkan pekeliling yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

[SHABIBAH BINTI BACHOK (C.A.(M), CPA(Aust.))]
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka